



PANDUAN PENYEDIAAN PELAN PENGURUSAN PROJEK

**JABATAN KERJA RAYA
MALAYSIA**



Unit Sistem & Kompetensi Pengurusan Projek

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Versi: 5.0

28 Feb 2019s



Muka surat ini dibiarkan
kosong

Keujudan Dokumen

Versi	Tarikh	Penulis	Keterangan	Seksyen
1.0	14 Mei 08	Noor'Ain	Draf Awal	Semua
	24 Jun 08	PROKOM	Draf 1	Semua
2.0	10 Julai 13	USPP, PROKOM	Semakan Semula	Semua
3.0	2 Ogos 13	USPP, PROKOM	Semakan Semula	Semua Templat
4.0	7 Feb 14	USPP, PROKOM	Semakan Semula	Semua Templat
5.0	28 Feb 19	USKPP, CPAB	Semakan Semula	Semua Templat

Pemilikan Dokumen

No Seksyen	Seksyen	Ringkasan Perubahan
Keseluruhan Dokumen	Keseluruhan Dokumen	Pemilikan oleh Bahagian Pengurusan Projek Kompleks, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)

PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan menyediakan panduan kepada semua Pengurus Projek Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dalam menyediakan Pelan Pengurusan Projek (*Project Management Plan – PMP*) bagi mana-mana projek yang dilaksanakan oleh JKR. (Perkataan PMP akan digunakan seterusnya dalam garis panduan ini bagi menunjukkan Pelan Pengurusan Projek.)

Garis Panduan ini disediakan berdasarkan kepada Amalan Terbaik dalam Pengurusan Projek yang meliputi sepuluh (10) bidang pengetahuan utama pengurusan projek seperti yang dinyatakan dalam *Project Management Book of Knowledge* (PMBok) dan telah disesuaikan mengikut amalan semasa di JKR.

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada pengurus projek JKR tentang konsep dan kaedah dalam menyediakan dokumen PMP menggunakan templat yang telah disediakan.

***Nota:** Alat (*tools*) yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyediaan Pelan Pengurusan Projek ini boleh disesuaikan untuk kegunaan (*fit for purpose*) mengikut keperluan projek (projek fizikal atau bukan fizikal). Sekiranya Pengurus Projek berkenaan mempunyai alat (*tools*) lain yang bersesuaian bagi memudahkan pengurusan projek berkenaan, Pengurus Projek digalakkan menggunakannya dan berkongsi pengalaman tentang keberkesanan penggunaan alat tersebut. Seterusnya, penambahbaikan berterusan dapat diterapkan dalam garis panduan ini.



Muka surat ini dibiarkan
kosong

KANDUNGAN

1. PENGURUSAN PROJEK	2
2. KEPERLUAN PENGURUSAN PROJEK	2
3. PELAN PENGURUSAN PROJEK (PMP)	3
3.1. PENGURUSAN SKOP	4
3.2. PENGURUSAN KOS.....	5
3.3. PENGURUSAN MASA	5
3.4. PENGURUSAN KUALITI.....	6
3.5. PENGURUSAN RISIKO	6
3.6. PENGURUSAN KOMUNIKASI.....	7
3.7. PENGURUSAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)	8
3.8. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	8
3.9. PENGURUSAN PEROLEHAN	9
3.10. PENGURUSAN INTEGRASI.....	9
4. LAMPIRAN TEMPLAT.....	11
4.1 LAMPIRAN 1: DEFINISI SKOP PROJEK (JKR.PMMM.03).....	12
4.2 LAMPIRAN 2: ANGGARAN BAJET (JKR.PMMM.05).....	17
4.3 LAMPIRAN 3: PENGURUSAN KOS (JKR.PMMM.23)	19
4.4 LAMPIRAN 4: PERANCANGAN JADUAL (JKR.PMMM.38).....	21
4.5 LAMPIRAN 5: JADUAL PENGESANAN KUALITI (JKR.PMMM.36).....	23
4.6 LAMPIRAN 6: DAFTAR RISIKO (JKR.PMMM.06).....	25
4.7 LAMPIRAN 7: DIAGRAM RANGKAIAN KOMUNIKASI (JKR.PMMM.08).....	30
4.8 LAMPIRAN 8: SENARAI HUBUNGAN (JKR.PMMM.09).....	31
4.9 LAMPIRAN 9: Matriks Komunikasi (JKR.PMMM.10).....	32
4.10 LAMPIRAN 10: PENGURUSAN PEMEGANG TARUH (JKR.PMMM.35).....	36
4.11 LAMPIRAN 11: Matriks Penugasan Tanggungjawab (JKR.PMMM.04)	39
4.12 LAMPIRAN 12: PELAN PEROLEHAN (JKR.PMMM.11)	42
4.13 LAMPIRAN 13: PELAN PENGURUSAN PROJEK (JKR.PMMM.37).....	44
4.14 LAMPIRAN 14: LAPORAN STATUS PROJEK (JKR.PMMM.27)	47

1. PENGURUSAN PROJEK

Pengurusan Projek merupakan aplikasi ilmu pengetahuan, kemahiran, teknik serta alat (tools) kepada aktiviti projek dalam usaha untuk memenuhi keperluan dan harapan pemegang taruh (stakeholder) bagi mencapai objektif projek .

Pelan Pengurusan Projek (PMP) merupakan salah satu alat pengurusan projek untuk merancang, melaksana, memantau dan mengawal sesuatu projek yang berasaskan kepada sepuluh (10) bidang pengetahuan utama pengurusan projek seperti yang dinyatakan dalam *Project Management Book of Knowledge (PMBok)*. Pengurus Projek yang kompeten akan menggunakan proses berstruktur (structured process) untuk mengurus projek secara teratur.

2. KEPERLUAN PENGURUSAN PROJEK

Perlunya pengurusan projek yang berstruktur dalam pelaksanaan projek agar ianya menjadi satu proses amalan organisasi yang konsisten bagi membolehkan:

- a. Pencapaian objektif projek sepertimana yang dijangka (expected results);
- b. Penggunaan sumber dengan lebih efektif; dan
- c. Pembelajaran melalui iktibar & pengajaran (lessons learned) yang boleh menyumbang kepada penambahbaikan proses kerja.

Pengurusan Projek adalah untuk menentukan keseimbangan dalam **skop, jadual, kos** dan **sumber** projek dimana:

- a. **SKOP** merupakan senarai kerja yang perlu untuk mencapai objektif projek;
- b. **JADUAL** menentukan masa dan jadual, termasuk tempoh keseluruhan projek;
- c. **SUMBER** ialah manusia dan peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti projek; dan
- d. **KOS** projek hendaklah dalam lingkungan bajet yang telah diluluskan.

3. PELAN PENGURUSAN PROJEK (PMP)

PMP merupakan suatu alat penting bagi Pengurus Projek dalam merancang, mengurus, mengawal dan melaksana sesuatu projek sama ada projek fizikal atau projek bukan fizikal. PMP menjelaskan pendekatan yang digunakan oleh Pengurus Projek dan ahli Pasukan Projek bagi melaksana skop pengurusan projek yang telah ditetapkan untuk sesuatu projek. Lanya disediakan berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada ahli Pasukan Projek dan pemegang taruh utama yang perlu dipersetujui dan diluluskan oleh Pengurus Program.

Dokumen PMP perlu disediakan pada peringkat awal perancangan projek dan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa sepanjang tempoh projek dilaksanakan. PMP juga telah diintegrasikan ke dalam SPB JKR untuk membantu Pengurus Projek mengurus projek disepanjang kitar hayat projek.

PMP disediakan berdasarkan kepada sepuluh (10) bidang pengetahuan utama pengurusan projek meliputi aspek berikut:

- a. Pengurusan Skop;
- b. Pengurusan Masa;
- c. Pengurusan Kos;
- d. Pengurusan Kualiti;
- e. Pengurusan Sumber Manusia;
- f. Pengurusan Komunikasi;
- g. Pengurusan Pemegang Taruh (Stakeholder);
- h. Pengurusan Risiko;
- i. Pengurusan Perolehan; dan
- j. Pengurusan Integrasi.

Templat PMP yang terkandung dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

- Definisi Skop Projek;
- Anggaran Bajet;
- Pengurusan Kos;
- Perancangan Jadual;
- Pengesanan Kualiti;
- Matriks Penugasan Tanggungjawab (*Responsibility Assignment Matrix*);
- Matriks Komunikasi;
- Diagram Rangkaian Komunikasi;
- Senarai Hubungan;
- Pengurusan Pemegang Taruh (*Stakeholder*);
- Daftar Risiko;
- Pelan Perolehan;
- Laporan Status Projek; dan
- Pelan Pengurusan Projek (PMP).

3.1. Pengurusan Skop

Skop projek merupakan asas kepada pelan pengurusan projek yang melibatkan penghasilan produk dan kerja yang diperlukan untuk menghasilkan produk tersebut. Pengurusan Skop adalah justifikasi awal projek yang antara lain menerangkan objektif, *deliverables*, kekangan projek dan lain-lain.

Templat untuk Pengurusan Skop ialah **DEFINISI SKOP (JKR.PMMM.03)**.

Templat **Definisi Skop** merangkumi semua maklumat penting berkaitan skop, kerja/aktiviti dan penghasilan projek yang berkaitan. Dokumen ini perlu dipersetujui dan diluluskan oleh Pengurus Program sebelum permulaan projek.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

3.2. PENGURUSAN KOS

Pengurusan Kos merupakan proses untuk menganggar dan menyediakan bajet projek. Ianya juga digunakan sebagai mekanisme utama untuk mengawal kos projek.

Templat untuk Pengurusan Kos ialah **ANGGARAN BAJET (JKR.PMMM.05)** dan **PENGURUSAN KOS (JKR.PMMM.23)**.

Templat **Anggaran Bajet** disediakan berdasarkan kepada fasa/aktiviti/tugas yang diperincikan dalam *Work Breakdown Structure (WBS)*.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

Templat **Pengurusan Kos** menerangkan pengurusan belanjawan projek berdasarkan kepada bajet yang telah diperolehi untuk melaksanakan projek tersebut.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.

3.3. PENGURUSAN MASA

Pengurusan Masa melibatkan aktiviti berkaitan dengan pembangunan, analisis dan kawalan jadual projek. Memenuhi objektif projek mengikut jangka masa yang ditetapkan adalah faktor kritikal dalam menentukan kejayaan projek di samping kos dan kualiti.

Templat untuk Pengurusan Masa ialah **PERANCANGAN JADUAL (JKR.PMMM.38)**.

Templat **Perancangan Jadual** disediakan untuk menentukan masa dan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu fasa/aktiviti/tugas.

Alat yang biasa digunakan oleh JKR ialah perisian *Microsoft Project*.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 4**.

3.4. PENGURUSAN KUALITI

Pengurusan Kualiti menggunakan piawaian dan proses untuk mencapai kepuasan pelanggan menerusi perancangan kualiti, kawalan kualiti, pemastian kualiti dan penambahbaikan di sepanjang kitar hayat projek secara berterusan bagi memastikan projek mencapai kehendak pelaksanaannya (objektif projek).

Templat untuk Pengurusan Kualiti ialah **JADUAL PENGESANAN KUALITI (JKR.PMMM.36)**.

Templat **Jadual Pengesanan Kualiti** menerangkan jenis piawaian dan spesifikasi yang diperlukan untuk pelaksanaan aktiviti dalam sesuatu fasa/peringkat projek.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 5**.

3.5. PENGURUSAN RISIKO

Risiko merupakan sebarang kemungkinan (atau kebarangkalian) sesuatu peristiwa kurang baik berlaku yang akan memberi kesan terhadap hasil dan objektif sesuatu projek. Pengurusan Risiko dilaksanakan bagi memastikan tahap risiko dan ketidakpastian dapat diurus dengan efektif agar projek berjaya disiapkan. Ianya melibatkan proses mengenalpasti, menganalisis dan mengambil tindakan terhadap faktor risiko yang akan memberi impak terhadap objektif projek.

Templat untuk Pengurusan Risiko ialah **DAFTAR RISIKO (JKR.PMMM.06)**.

Templat **Daftar Risiko** disediakan di peringkat perancangan untuk mengenalpasti dan merekodkan semua risiko yang mungkin akan memberi impak terhadap projek disepanjang kitar hayat projek.

CPAB telah menyediakan satu Garis Panduan Pengurusan Risiko untuk membantu Pengurus Projek menyediakan Pelan Pengurusan Risiko.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 6**.

3.6. PENGURUSAN KOMUNIKASI

Pengurusan Komunikasi merujuk kepada hubungkait di antara individu/kumpulan, idea dan maklumat pada semua peringkat dalam kitar hayat projek. Pengurusan Komunikasi memastikan maklumat projek dijana, dikumpul dan diagih kepada pemegang taruh projek berkenaan tepat pada masanya.

Templat untuk Pengurusan Komunikasi ialah **DIAGRAM RANGKAIAN KOMUNIKASI (JKR.PMMM.08)**, **SENARAI HUBUNGAN (JKR.PMMM.09)** dan **MATRIKS KOMUNIKASI (JKR.PMMM.10)**

Templat **Diagram Rangkaian Komunikasi** menunjukkan hubungan di antara pasukan projek dengan pihak yang berkepentingan dalam pelaksanaan projek tersebut. Garisan lurus menunjukkan hubungan secara langsung manakala, garisan putus menunjukkan hubungan secara tidak langsung.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 7**.

Templat **Senarai Hubungan** mengandungi senarai pihak-pihak yang terlibat dalam projek itu dengan maklumat seperti: organisasi yang diwakili; nama; jawatan; alamat; nombor telefon pejabat; nombor telefon mudahalih, nombor faks dan emel. Dengan adanya senarai hubungan ini, Pengurus Projek dan Pasukan Projek lebih mudah berhubung dengan pihak yang berkenaan.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 8**.

Templat **Matriks Komunikasi** adalah untuk mengenalpasti mesyuarat dan jenis laporan yang perlu disediakan sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Melalui dokumen ini, mesyuarat dapat diadakan mengikut kala yang ditetapkan dan pelaporan kepada pemegang taruh dibuat pada masa yang sepatutnya.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 9**.

3.7. PENGURUSAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)

Pengurusan Pemegang Taruh adalah untuk mengenalpasti individu/pihak yang mempunyai kepentingan/impak terhadap projek samaada secara langsung atau tidak langsung. Strategi yang bersesuaian perlu dirancang bagi melibat urus pemegang taruh berkenaan dalam tempoh pelaksanaan projek.

Templat untuk Pengurusan Pemegang Taruh ialah **PENGURUSAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER) (JKR.PMMM.35)**

Templat **Pengurusan Pemegang Taruh** adalah untuk mengenalpasti individu yang berkepentingan dalam projek dan tindakan yang perlu diambil bagi mengurus keperluan mereka agar tidak memberi kesan yang negatif terhadap projek.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 10**.

3.8. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan Sumber Manusia adalah untuk mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek secara efektif bagi mencapai objektif projek; iaitu dengan menempatkan sumber manusia mengikut peranan & tanggungjawab serta kesesuaian projek, mengoptimumkan penggunaan sumber manusia sedia ada dan melaksanakan program/aktiviti yang perlu bagi meningkatkan kompetensi sumber manusia.

Templat untuk Pengurusan Sumber Manusia ialah **MATRIKS PENUGASAN TANGGUNGJAWAB (JKR.PMMM.04)**

Templat **Matriks Penugasan Tanggungjawab** digunakan untuk mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek secara efektif. Ianya menerangkan tentang penetapan tugas & tanggungjawab pihak/individu yang terlibat dalam pelaksanaan projek kepada aktiviti/tugas yang berkenaan.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 11**.

3.9. PENGURUSAN PEROLEHAN

Pengurusan Perolehan menerangkan proses yang diperlukan untuk memperoleh kerja, bekalan dan perkhidmatan daripada pihak ketiga. Ini termasuklah proses kontrak dan proses kawalan perubahan yang diperlukan untuk membangun dan mentadbir kontrak atau pesanan pembelian (LO) oleh pihak yang diberikuasa.

Templat untuk Pengurusan Perolehan ialah **PELAN PEROLEHAN (JKR.PMMM.11)**.

Templat **Pelan Perolehan** digunakan untuk mengenalpasti barangan, perkhidmatan atau hasil yang perlu diperolehi / didapatkan daripada pihak luar Pasukan Projek bagi melaksanakan kerja tertentu.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 12**.

3.10. PENGURUSAN INTEGRASI

Pengurusan Integrasi adalah aktiviti mengenalpasti, mendefinisi, menyatukan dan menyelaraskan berbagai proses dan aktiviti pengurusan projek bagi tujuan memantau dan mengawal pelaksanaan projek sehingga siap dengan mengambilkira jangkaan dan keperluan pemegang taruh. Pengurusan Integrasi bertujuan:

- a. untuk menyepadukan proses dalam Kumpulan Proses Pengurusan Projek (ada 46 proses seperti yang terdapat dalam PMBOK) bagi memastikan objektif projek tercapai;
- b. untuk memastikan elemen dalam projek diselaraskan dengan sempurna; dan
- c. untuk memastikan keperluan projek dan stakeholder diurus dan dicapai mengikut keperluan yang ditetapkan.

Templat untuk Pengurusan Integrasi ialah **PELAN PENGURUSAN PROJEK (JKR.PMMM.37)** dan **LAPORAN STATUS PROJEK (JKR.PMMM.27)**.

Templat **Pelan Pengurusan Projek (PMP)** adalah merangkumi kesemua bidang pengetahuan pengurusan projek seperti yang telah dinyatakan di atas. Dokumen ini memberi panduan kepada Pengurus Projek untuk mengurus semua bidang pengetahuan dan memastikan pengurusan projek yang sistematik disepanjang kitar hayat projek.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 13**.

Templat **Laporan Status Projek** adalah dokumen yang digunakan oleh Pengurus Projek bagi memaklumkan kepada pemegang taruh projek tentang status kemajuan projek. Laporan ini disediakan oleh Pengurus Projek mengikut kala yang ditetapkan oleh Pengurus Program.

Kandungan dan penerangan penggunaan templat adalah seperti di **LAMPIRAN 14**.



4. LAMPIRAN TEMPLAT

4.1 LAMPIRAN 1: DEFINISI SKOP PROJEK (JKR.PMMM.03)

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.03
	Definisi Skop Projek	Mukasurat No: 1 Isu No: 1 Semakan No: 5 Tarikh: 28.02.2019

A KONTEKS: ASAL DAN LATARBELAKANG

Menerangkan tentang keadaan/konteks berkaitan kewujudan projek (cth: punca kuasa, sumber peruntukan projek, keperluan kesesuaian projek ini dilaksanakan pada waktu semasa) serta maklumat tentang sebarang kajian kemungkinan/kebolehlaksanaan (feasibility studies) yang telah dijalankan

(a) Latarbelakang

(b) Pelan Lokasi Projek

Bincangkan keadaan topografi tapak projek mengikut kesesuaian skop projek; dengan mengambilkira kos dan perancangan projek. Dirujuk bersama borang SPB ; Senarai Semak Lawatan Tapak (JKR.PK(O).01-3

Contoh Topografi Projek

(c) Skop Projek

Terangkan senarai skop projek semasa merujuk kepada brif pelanggan yang telah diluluskan.

B PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER) - Senaraikan nama dan jawatan

Mengenalpasti individu/pihak yang mempunyai kepentingan/impak terhadap projek samaada secara langsung atau tidak langsung.

(a) Pemegang Taruh Dalaman

Senaraikan stakeholder dalaman organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan projek (cth: pasukan projek JKR). Boleh rujuk carta organisasi pasukan projek.

- 1
- 2
- 3

(b) Pemegang Taruh Luaran


Senaraikan stakeholder daripada organisasi luar yang terlibat dalam pelaksanaan projek.

- 1
- 2
- 3

C TADBIR URUS PROJEK (PROJECT GOVERNANCE) - Senaraikan nama dan jawatan

Mengenalpasti jawatankuasa atau kumpulan yang akan menentukan halatuju dan terlibat dalam tadbir urus projek (cth: peringkat organisasi dalaman JKR iaitu KPKR, TKPKR, Pengurus Program, Pegawai Penguasa dll)

- 1
- 2
- 3

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.03
	Definisi Skop Projek	Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019

D PROJEK AUTORITI - Senaraikan nama dan jawatan

Mengenalpasti tahap kuasa yang diberikan kepada individu/jawatankuasa/kumpulan untuk kelulusan dana projek, kelulusan perubahan kepada projek dan kelulusan lain yang berkaitan dengan projek

	Jawatan	Nama	Autoriti
1			
2			

E FAEDAH KEPADA ORGANISASI

Menerangkan faedah yang diperolehi oleh organisasi hasil daripada pelaksanaan projek.

1 Pengalaman penggunaan teknologi baru kepada pasukan projek

2

3

F OBJEKTIF PROJEK :

(a) Objektif Utama

Menerangkan apa yang dipersetujui oleh stakeholder pada masa ditetapkan dengan kos tertentu serta boleh diukur hasil tersebut; (Specific, Measurable, Agreed, Realistic & Timed).

(b) Objektif Sampingan

Menerangkan faedah lain yang ingin dicapai pada masa yang sama.

1

2

3

G PERNYATAAN HASIL DARIPADA PROJEK (STATEMENT OF DELIVERABLES)

Menerangkan apa yang dihasilkan daripada projek ini (end product); Menerangkan apa yang perlu dilakukan/dihasilkan/dilaksanakan untuk mencapai objektif projek (rujuk kepada SPB dan SKALA)

(a) Fasa Perancangan

1

2

(b) Fasa Rekabentuk

1

2

(c) Fasa Perolehan

1

2

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.03
	Definisi Skop Projek	Mukasurat No: 1 Isu No: 1 Semakan No: 5 Tarikh: 28.02.2019

(d) Fasa Pembinaan

- 1
- 2

(e) Fasa Penyerahan

- 1
- 2

H PERNYATAAN MILESTONE

Nyatakan milestone utama yang perlu dicapai dalam jangka masa pelaksanaan projek (yang didalam kawalan pasukan projek)

Bil. Perkara	Tarikh Siap
--------------	-------------

- 1
- 2

I KEKANGAN

Menyatakan kekangan yang akan mempengaruhi deliverables dan jadual. Isu yang dinyatakan mempunyai kebarangkalian 100% untuk berlaku dan akan menghadkan objektif yang ditetapkan.

- 1
- 2
- 3

J ANDAIAN

Menerangkan faktor yang diandaikan boleh menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan projek. Contoh faktor yang dimaksudkan adalah sumber sediaada, kewangan, jangkaan teknikal atau komitmen lain.

- 1
- 2
- 3

K PENGEQUALIAN

Menerangkan hasil yang perlu disediakan tetapi tidak termasuk dalam skop projek.

- 1
- 2
- 3

L PROJEK BERKAITAN

Senaraikan projek berkaitan yang mungkin memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada projek sediaada, contoh dari segi sumber tenaga kerja (jika ada).

- 1 Senarai projek yang perlu disiapkan sebelum projek ini dimulakan;
- 2 Senarai projek yang berjalan serentak dan menggunakan sumber yang sama;
- 3 Senarai projek seterusnya yang tidak boleh dimulakan sehingga projek ini siap;

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.03
	Definisi Skop Projek	Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019

M KEPAKARAN DIPERLUKAN *(Jika berkenaan)*

- 1 Menerangkan bidang kepakaran spesifik yang diperlukan oleh projek ini (kerana akan melibatkan masa dan kos perolehan kepakaran).
- 2 Menerangkan samada projek yang sama pernah dilaksanakan menggunakan kepakaran yang sama.
- 3 Sekiranya projek baru, nyatakan dari mana kepakaran akan diperolehi.

N RISIKO UTAMA YANG DIKENALPASTI

Menerangkan gambaran awalan (preliminary overview) keseluruhan risiko utama yang dijangka memberi kesan kepada kejayaan projek

- 1
- 2
- 3
- 4

O FASA & RANGKA MASA PROJEK (TIME FRAME)

Menerangkan bagaimana menetapkan rangka masa fasa projek bagi mencapai deliverables yang telah disenaraikan dalam keperluan skop projek.


FASA	MULA	SIAP
Perancangan		
Rekabentuk		
Perolehan		
Pembinaan		
Penyerahan		

P BAJET/KEWANGAN PROJEK

Nyatakan bajet projek (kos siling dan kos projek) yang dijangkakan (tidak perlu perincian)

Q RINGKASAN PROJEK

Nama Projek :
Fail Rujukan :
Tarikh Mula :
Tarikh Siap :

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.03
	Definisi Skop Projek	Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019

R PENGESAHAN

Kelulusan Pelan Pengurusan Projek adalah diperlukan. Tandatangan bagi pengesahan adalah seperti berikut :

Pengurus Projek

- i. Peringkat Ibu Pejabat : HOPT / HODT
- ii. Peringkat Negeri : S.O / Wakil S.O


Tarikh	Nama	T/Tangan

Pengurus Program

- i. Peringkat Ibu Pejabat : Pengarah Cawangan
- ii. Peringkat Negeri : Pengarah Negeri

Tarikh	Nama	T/Tangan

4.2 LAMPIRAN 2: ANGGARAN BAJET (JKR.PMMM.05)

	PENGURUSAN PROJEK				Rujukan : JKR.PMMM.05 Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019
	Anggaran Bajet				
PROJEK :					
NAMA & JAWATAN PENGURUS PROJEK :					TARIKH DISEDIAKAN:
WBS / Bil.	Fasa/Aktiviti/Tugas	Bil / Kekerapan	Kos Seunit (RM)	Kos Keseluruhan (RM)	Catatan
1.1	Fasa Perancangan				
1.1.1				-	
1.1.2				-	
1.1.3				-	
	Fasa Rekabentuk				
				-	
				-	
	Fasa Perolehan				
				-	
				-	
	Fasa Pembinaan				
				-	
				-	
	Fasa Penyerahan				
				-	
				-	
	JUMLAH KESELURUHAN			-	

	PENGURUSAN PROJEK Anggaran Bajet	Rujukan : JKR.PMMM.05 Mukasurat No : 2 Isu No : 1 Semakan No : 1 Tarikh : 28.02.2019
---	---	--

Anggaran Bajet menerangkan anggaran bajet yang dibuat berdasarkan kepada fasa/aktiviti/tugas yang diperincikan dalam Work Breakdown Structure (WBS).

1 Projek

- Menunjukkan nama projek yang hendak dilaksanakan.

2 Pengurus Projek

- Menunjukkan nama pengurus projek yang bertanggungjawab terhadap projek ini dari peringkat perancangan hingga penyerahan.

3 WBS / BIL

- Menunjukkan nombor aktiviti dan sub-aktiviti

4 Fasa/Aktiviti/Tugas

- Menunjukkan fasa/aktiviti/tugas berkenaan.

5 Bil / Kekerapan

- Menunjukkan kekerapan fasa/aktiviti/tugas berkenaan.

6 Kos Seunit

- Menerangkan kos seunit yang perlu diperuntukkan untuk masa dan sumber yang digunakan bagi fasa/aktiviti/tugas tertentu.

7 Kos Keseluruhan

- Menerangkan kos keseluruhan bagi setiap fasa/aktiviti/tugas yang dilaksanakan.

8 Catatan

- Mencatatkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan kos Fasa/Aktiviti/Tugas yang berkenaan.

9 Disediakan Oleh

- Menunjukkan nama individu yang menyediakan dokumen ini. Biasanya ahli pasukan projek.


10 Disemak Oleh

- Menunjukkan nama individu yang menyemak dokumen tersebut. Biasanya pengurus projek.

11 Tandatangan

- Menunjukkan tandatangan individu yang berkenaan.

4.3 LAMPIRAN 3: PENGURUSAN KOS (JKR.PMMM.23)

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.23
	Pengurusan Kos	Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019

PROJEK :	
NAMA & JAWATAN PENGURUS PROJEK :	TARIKH DISEDIAKAN:

Bajet/Kewangan Projek

Bajet Yang Diperuntukkan / Kos Siling (i)	
Kos Projek (ii)	
Kos Kontrak (iii)	

Bulan	Kos Perbelanjaan Sebenar				Jumlah Kos Perbelanjaan Sebenar (e) = (b) + (c) + (d)	Varian Varian Kos (f) = (a) - (e)
	Unjuran Bajet (a)	Kos Diluar Kontrak (b)	Kos Kontrak (C)	Kos Perubahan Kerja (d)		
					0.00	0.00
					0.00	0.00
					0.00	0.00
					0.00	0.00
Jumlah (RM)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

DISEDIAKAN OLEH :	T/TANGAN
DISEMAK OLEH :	T/TANGAN

	PENGURUSAN PROJEK Pengurusan Kos	Rujukan : JKR.PMMM.23 Mukasurat No : 2 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019
---	---	--

Pengurusan Kos Projek menerangkan pengurusan kewangan projek berdasarkan kepada bajet yang telah diperolehi untuk melaksanakan projek tersebut.

1 Projek

- Menunjukkan nama projek yang hendak dilaksanakan.

2 Pengurus Projek

- Menunjukkan nama pengurus projek yang bertanggungjawab terhadap projek ini dari peringkat perancangan hingga penyerahan.

3 Tarikh Penyediaan

- Menunjukkan tarikh dokumen disediakan.

4 Bajet/Kewangan

- Bajet Yang Diperuntukkan
 - Menyatakan jumlah bajet / kos siling yang diluluskan pada awal projek oleh pelanggan.
- Kos Kontrak
 - Nilai kos kontrak mengikut SST.
- Kos Projek
 - Kos anggaran bajet termasuk Kos kontrak, kos perunding dan lain-lain kos yang berkaitan

6 Kos Perbelanjaan Sebenar

- Kos Diluar Kontrak
 - kos perbelanjaan sebenar bulanan seperti perunding, PBT, kerja ukur, SI dan lain-lain.
- Kos Kontrak
 - kos perbelanjaan sebenar bulanan yang dibayar kepada kontraktor. (JKR 66)
- Kos perubahan kerja
 - Kos yang melibatkan arahan perubahan kerja (APK) & PHK sudah diluluskan [VO(-) / VO (+)]
- Jumlah Kos Perbelanjaan Sebenar
 - Menyatakan keseluruhan kos terkini yang telah dibelanjakan.

Unjuran Bajet

- Menerangkan perancangan kewangan projek.

Disediakan Oleh

- Menunjukkan nama individu yang menyediakan dokumen ini. Biasanya ahli pasukan projek.

Disemak Oleh

- Menunjukkan nama individu yang menyemak dokumen tersebut. Biasanya pengurus projek.

Tandatangan

- Menunjukkan tandatangan individu yang berkenaan.

4.4 LAMPIRAN 4: PERANCANGAN JADUAL (JKR.PMMM.38)

	PENGURUSAN PROJEK	Rujukan : JKR.PMMM.38
	Perancangan Jadual	Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019

PROJEK :

NAMA & JAWATAN PENGURUS PROJEK :

TARIKH DISEDIAKAN :

WBS No.	Fasa/Aktiviti/Tugas	Sumber Diperuntukkan	Tempoh (Hari)	Sandaran (Dependency)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1	PERANCANGAN	RUJUK PROGRAM KERJA				
1.1						
1.2						
2	REKABENTUK					
3	PEROLEHAN					
4	PEMBINAAN					
5	SERAHAN					

DISEDIAKAN OLEH :

DISEMAK OLEH :

	PENGURUSAN PROJEK Perancangan Jadual	Rujukan : JKR.PMMM.38 Mukasurat No : 2 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019
---	---	--

Perancangan Jadual merupakan satu alat pengurusan projek yang memberi maklumat tentang masa dan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu fasa/aktiviti/tugas.

1 Projek

- ☐ Menunjukkan nama projek yang hendak dilaksanakan.

2 Nama & Jawatan Pengurus Projek

- ☐ Menunjukkan nama dan jawatan pegawai yang bertanggungjawab terhadap projek ini dari peringkat perancangan hingga penyerahan.

3 Tarikh Disediakan

- ☐ Menunjukkan tarikh dokumen disediakan.

4 WBS No.

- ☐ Menunjukkan turutan nombor mengikut pecahan dalam WBS.

5 Fasa/Aktiviti/Tugas

- ☐ Menerangkan jenis fasa/aktiviti/tugas yang berkenaan merujuk kepada WBS.

6 Sumber Diperuntukkan

- ☐ Menerangkan individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fasa/aktiviti/tugas tersebut.

7 Tempoh

- ☐ Menunjukkan jangka masa yang diperlukan untuk melaksanakan fasa/aktiviti/tugas tersebut.

8 Sandaran

- ☐ Menerangkan samada terdapat sandaran (dependencies) antara fasa/aktiviti/tugas berkenaan.

9 Tarikh Mula

- ☐ Menunjukkan tarikh fasa/aktiviti/tugas dimulakan.

10 Tarikh Siap

- ☐ Menunjukkan tarikh fasa/aktiviti/tugas disiapkan.


11 Disediakan Oleh

- ☐ Menunjukkan nama dan jawatan pegawai yang menyediakan dokumen ini.

12 Disemak Oleh

- ☐ Menunjukkan nama dan jawatan pegawai yang bertanggungjawab menyemak penyediaan dokumen ini.

4.5 LAMPIRAN 5: JADUAL PENGESANAN KUALITI (JKR.PMMM.36)

	PENGURUSAN PROJEK				Rujukan : JKR.PMMM.36
	Jadual Pengesanan Kualiti				Mukasurat No : 1 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019
PROJEK :					TARIKH DISEDIAKAN
NAMA & JAWATAN PENGURUS PROJEK :					
Fasa	Deliverable / Sistem / Item	Piawaian Bersesuaian	Rujukan Terperinci	Tindakan Diperlukan	T/Jawab
Perancangan					
Rekabentuk					
Perolehan					
Pembinaan					
Penyerahan					
DISEDIAKAN OLEH :				T/TANGAN	
DISEMAK OLEH :				T/TANGAN	

Piawaian termasuk:

ISO; BR or JKR Organisational standards;

Malaysian, State and district compliance related to environment, workplace safety, heritage, noise, traffic, waste

	PENGURUSAN PROJEK Jadual Pengesanan Kualiti	Rujukan : JKR.PMMM.36 Mukasurat No : 2 Isu No : 1 Semakan No : 5 Tarikh : 28.02.2019
---	--	---

Jadual Pengesanan Kualiti menerangkan jenis piawaian dan spesifikasi yang diperlukan untuk pelaksanaan aktiviti dalam sesuatu fasa/peringkat projek.

1 Projek

- Menunjukkan nama projek yang hendak dilaksanakan.

2 Pengurus Projek

- Menunjukkan nama pengurus projek yang bertanggungjawab terhadap projek ini dari peringkat perancangan hingga penyerahan.

3 Tarikh Penyediaan

- Menunjukkan tarikh dokumen disediakan.

4 Fasa

- Menunjukkan peringkat pelaksanaan projek yang berkait dengan deliverable / sistem/ item yang berkenaan.

5 Deliverable / Sistem / Item

- Menerangkan deliverable / sistem / item yang akan ditentukan dan dikawal kualitinya.

6 Piawaian Bersesuaian

- Menerangkan piawaian bersesuaian yang digunakan untuk mengawal sesuatu deliverable / sistem / item.

7 Rujukan Terperinci

- Menerangkan rujukan yang digunakan dengan memperincikan kualiti yang ingin ditentukan dan dikawal.

8 Tindakan Diperlukan

- Menerangkan tindakan yang akan dilaksanakan bagi mengawal kualiti yang telah ditetapkan.

9 Tanggungjawab

- Menerangkan individu yang ditugaskan untuk memastikan kualiti yang ditetapkan dikawal dan dipantau dari semasa ke semasa.

